



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**  
**PENGUATKUASAAN PERJANJIAN**  
***REGIONAL COMPREHENSIVE ECONOMIC PARTNERSHIP (RCEP)***  
**SABTU, 1 JANUARI 2022**

---

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini mengumumkan bahawa Perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) mula berkuat kuasa pada hari ini, 1 Januari 2022, bagi Australia, Brunei Darussalam, Cambodia, Republik Rakyat China, Jepun, Lao PDR, New Zealand, Singapura, Thailand dan Viet Nam. Perjanjian RCEP juga akan berkuat kuasa pada 1 Februari 2022 bagi Republik Korea.
2. Penguatkuasaan Perjanjian RCEP dijangka akan membuka jalan untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas yang meliputi (berdasarkan data Bank Dunia) 2.3 bilion orang atau 30 peratus daripada penduduk dunia, menyumbang kepada AS\$25.8 trilion atau kira-kira 30 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar global serta AS\$12.7 trilion atau lebih satu perempat daripada perdagangan global dalam barangan dan perkhidmatan, dan 31 peratus daripada aliran masuk FDI global. Angka-angka tersebut menjadikan Perjanjian RCEP sebagai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terbesar di dunia yang dijangka akan memudahkan rantaian nilai global dan perdagangan dalam rantau ini.
3. Ketika dunia terus bergelut dengan kekacauan ekonomi yang disebabkan oleh wabak pandemik COVID-19, penguatkuasaan Perjanjian RCEP menandakan keazaman rantau ini untuk memastikan pasaran tetap terbuka; meningkatkan integrasi ekonomi serantau; menyokong sistem perdagangan pelbagai hala yang terbuka, bebas, adil, inklusif dan berasaskan peraturan; dan, terutamanya, menyumbang kepada usaha pemulihan pasca-pandemik global. Negara-negara ahli RCEP yakin bahawa, dengan komitmen akses pasaran yang dibuat, bersama dengan peraturan dan disiplin yang diperkemaskan dan dimodenkan



bagi memudahkan perdagangan dan pelaburan, Perjanjian RCEP akan memberikan peluang baharu kepada peniaga-peniaga, mengukuhkan rantaian bekalan di rantau ini, dan menggalakkan penyertaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) ke dalam rantaian nilai serantau dan *hub* pengeluaran.

4. Perjanjian RCEP telah ditandatangani pada 15 November 2020 oleh negara-negara anggota ASEAN, Australia, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand. Negara Brunei Darussalam berharap penguatkuasaan perjanjian RCEP bagi kesemua negara-negara ahli RCEP.

5. Semua pengeksport di negara ini digalakkan untuk menggunakan peluang-peluang yang ada di dalam Perjanjian RCEP, terutamanya kadar tarif keutamaan (*preferential tariff rates*) yang ditawarkan dan potensi untuk mengoptimumkan rantaian bekalan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: [tf@mofe.gov.bn](mailto:tf@mofe.gov.bn)

6. Teks undang-undang RCEP boleh diakses melalui laman sesawang di: <https://rcepsec.org/>